

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 October 2015

## PM sertai solat hajat mohon kesejahteraan Malaysia, Palestin UM-10/10/2015

**KUALA LUMPUR 9 Okt.** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memanjatkan rasa syukur kerana dapat menunaikan solat maghrib dan isyak serta solat hajat bersama-sama Imam Masjidil Al-Aqsa, Sheikh Ali Omar Yacoub Abbasi.

Kata Najib, solat hajat dilakukan bagi memohon kesejahteraan Malaysia dan juga Palestin.

"Alhamdulillah, syukur, semalam saya dapat bersama-sama menunaikan solat maghrib dan isyak serta solat hajat memohon kesejahteraan Malaysia dan Palestin yang diimamkan oleh Sheikh Ali Omar Yacoub Abbasi, Imam Masjidil Al-Aqsa.

"Semoga doa dan permintaan hamba-hamba-Mu ini Ya Allah diterima dan semoga Palestin dan Malaysia sentiasa dalam peliharaan

dan jagaan-Mu. Amin," katanya menerusi akaun Facebook miliknya hari ini.

Status yang dimuat naik Perdana Menteri itu mendapat lebih 7,600 'Likes' dan dikongsi lebih 226 pemilik akaun Facebook.

Perdana Menteri turut memuat naik status mengenai hari ini yang merupakan Jumaat terakhir umat Islam berada dalam tahun 1436 Hijrah.

"Hari ini, Insya-Allah adalah Jumaat terakhir kita berada dalam tahun 1436 Hijrah.

"Dalam khutbah tadi, khatib mengingatkan kita supaya menjadikan peristiwa Hijrah Rasulullah SAW sebagai pedoman bagi mengukuhkan lagi solidariti ummah. Semoga Malaysia sentiasa dalam perlindungan Allah SWT," ujanya.



**NAJIB TUN RAZAK** bersalaman dengan Sheikh Ali Omar Yacoub Abbasi selepas solat Jumaat dan solat hajat di Masjid Putra, Putrajaya, semalam. Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (kiri) - UTUSAN/RASHID MAHFOF